

# INTER-SPU BOWLING COMPETITION



Pertandingan bowling di antara kakitangan Sekolah Perubatan telah diadakan pada 18 Disember 2007 yang lalu. Pertandingan yang bertempat di CPS Bowl, Centre Point, KK ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Bowling SPU yang diketuai oleh Cik Francisca. Pertandingan yang julung-julung kalinya diadakan ini telah berjaya menarik perhatian 8 pasukan untuk menyertainya. Pasukan-pasukan yang berani menyahut cabaran ini adalah pasukan Pukul Habis, D?kumander, Fantastic 4, Delta Force, Go Girls, Ratu, The Maha Girls dan juga Line Clear. Setiap pasukan diwakili oleh 4 peserta di mana masing-masing menonjolkan bakat dan kesungguhan yang tak terkata menjadikan pertandingan tersebut sengit, hebat dan sukar dilupakan. Kumpulan **Pukul Habis** yang diwakili oleh Prof Dr Osman Ali, Jamin Jiran, Mohd Haizal dan Norfarid manakala kumpulan **Go Girls** yang diwakili oleh Rina Norgainathai, Farhana Jubily, Hellen Masandid dan Artini Matdam berjaya merangkul johan bagi kategori lelaki dan wanita masing-masing. Mereka dengan ini sekaligus membawa pulang piala pusingan 'SABAH HASSAN KETAN CUP' dan 'DAISY HTAY NWE CUP'.



Piala pusingan tersebut dinamakan berdasarkan penyumbangannya iaitu PM Dr Sabah Hassan Ketan untuk kategori johan kumpulan lelaki dan PM Dr Daw Htay Nwe pula untuk johan kumpulan wanita. Bagi kategori individu lelaki pula, juaranya adalah En. Jamin KK Jiran dan naib juara pula disandang oleh En. Amirudin Atoh. Manakala Cik Rina Norgainathai berjaya merangkul johan untuk kategori individu wanita dan tempat kedua jatuh kepada Cik Farhana Jubily.